



# Nostalgia Gelak Tawa

## SUKAN BENDANG

**B**ermain lumpur dan selut sambil menangkap ikan haruan atau puyu di bendang merupakan kenangan yang paling indah bagi seorang kanak-kanak. Tanpa mempedulikan sebarang kekotoran, hati berasa puas apabila mendapat banyak ikan, lalu dibawa pulang ke rumah untuk diletakkan ke dalam bekas. Sepanjang malam, mereka menilik ikan peliharaan tersebut, dengan harapan esok akan turun ke bendang lagi untuk menangkap lebih banyak.

Sememangnya aktiviti menangkap ikan ini mengembalikan memori ketika zaman kanak-kanak, terutama bagi mereka yang tinggal berhampiran dengan bendang. Dahulu, selepas musim menuai, mereka akan turun ke bendang untuk menangkap ikan dan melakukan pelbagai aktiviti. Pada masa yang sama, mereka dapat menjalani kehidupan sebagai


pesawah di bendang yang sudah menjadi sumber rezeki sejak zaman berzaman.

Kini, bendang tetap dijadikan sebagai sumber rezeki bagi sebilangan masyarakat untuk penanaman padi bagi menyara hidup. Mereka menggunakan tulang empat kerat untuk mencari rezeki dengan mengabdikan diri kepada bendang. Mereka membajak, menabur benih, meracun, menunggu padi masak, dan akhirnya mendapatkan hasilnya. Selepas padi dituai, bendang dibiarkan sebelum aktiviti membajak diteruskan semula selepas air disalurkan ke bendang. Sesekali ada juga aktiviti bermain wau oleh sebilangan kanak-kanak, namun hanya sementara sahaja. Di sesetengah tempat, mereka memeriahkan bendang dengan pelbagai aktiviti, seperti bermain bola sepak, bola baling, lumba lari, tarik upih, lari dalam guni, permainan tarik tali dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, untuk memeriahkan kembali aktiviti di bendang selepas musim menuai, maka pelbagai usaha telah dijalankan oleh masyarakat setempat. Di Kampung Telok Batu, Lenggong Perak misalnya, ahli jawatankuasa kampung bersepakat untuk mewarnai dan memeriahkan petak sawah yang terbiar dengan aktiviti yang bermanfaat. Mereka mengambil



Para penonton berpanas di tengah sawah untuk menyaksikan pesta sukan bendang.



Para pengunjung memenuhi kawasan bendang.

pendekatan terbaik dengan mengadakan pesta di bendang dan memilih tarikh 16 September 2020, iaitu sempena Hari Malaysia, untuk menarik lebih banyak orang datang ke pesta tersebut.

Pesta ini diadakan bagi mengetengahkan semula sukan bendang dalam kalangan anak muda, memandangkan rata-rata generasi ini lebih gemar menghabiskan masa dengan telefon pintar dan permainan digital, berbanding bermain permainan yang melibatkan aktiviti fizikal. Yang ada hanyalah permainan wau sekali sekala, namun tidak semua bendang dan tidak seaktif zaman selepas musim menuai dahulu kala.

Bak peribahasa Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, beberapa minggu sebelum pesta bermula, penduduk kampung akan melakukan gotong-royong. Mereka ke bendang lalu membersihkan kawasan yang akan dijadikan tapak acara. Segala rumput dan jerami dibuang untuk memastikan keselesaan dan kelancaran apabila aktiviti berlangsung. Selain poster pesta dan acara, Jalur Gemilang turut dipasang sebagai tanda rasa semangat kesukanan dan cinta terhadap negara. Di samping itu, hebahan dalam media sosial turut dilakukan dengan aktif untuk menarik lebih ramai orang hadir, selain bertujuan

**Di Kampung Telok Batu, Lenggong, Perak misalnya, ahli jawatankuasa kampung bersepakat untuk mewarnai dan memeriahkan petak sawah yang terbiar dengan aktiviti yang bermanfaat. Mereka mengambil pendekatan terbaik dengan mengadakan pesta di bendang dan memilih tarikh 16 September 2020, iaitu sempena Hari Malaysia, untuk menarik lebih banyak orang datang ke pesta tersebut.**

memperkenalkan Lenggong, sebuah pekan kecil yang terletak di Hulu Perak.

Pada hari kejadian, lebih 500 pengunjung tanpa mengira usia hadir dari kampung berdekatan di sekitar Lenggong, bahkan ada yang hadir dari Gerik dan Kuala Kangsar. Para pengunjung mula membanjiri jalan dan tali air di tepi sawah bagaikan semut menghurung gula. Sepanjang pesta ini berlangsung, pengunjung dapat melihat dan merasai pengalaman bermain sukan bendang, sekali



Kain rentang pesta sukan bendang.



Sukan bendang dapat mengeratkan silaturahmi.

gus menolak pandangan generasi baharu bahawa bendang merupakan kawasan untuk menanam padi semata-mata. Penganjuran pesta seperti ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan sesama peserta dan pengunjung. Mereka dapat bertanyakan khabar dan mengenali antara satu sama dengan yang lain. Hal ini pastinya dapat memberikan nilai tambah kepada usaha mempergiatkan industri pelancongan berasaskan warisan kebudayaan.

Berdasarkan sambutan hangat terhadap aktiviti sukan bendang yang semakin hari semakin luput ditelan zaman ini, maka wajarlah aktiviti seumpama

**Yang istimewanya, selepas tamat semua acara, para peserta bersama-sama membersihkan diri di tali air yang berdekatan. Kesegaran jelas kelihatan apabila mereka bersama-sama membersihkan diri dan berendam di dalam tali air. Segala selut dan lumpur yang menyaluti tubuh mereka hilang bersama.**



Acara larian sebagai pembuka tirai pesta sukan bendang.



Para peserta bergelumang dengan lumpur demi mengejar kejuaraan.




ini dijadikan sebagai program tahunan. Hal ini dikatakan demikian kerana pesta sukan bendang mempunyai nilai warisan yang perlu diketengahkan kepada seluruh masyarakat. Di samping itu, pesta ini membolehkan peserta dan penonton menghayati suasana kehidupan bermasyarakat di desa, selain mempromosikan Lenggong sebagai lokasi penemuan Perak Man.

Program seumpama ini juga mampu mempengaruhi remaja pada untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang berfaedah. Hal ini secara tidak langsung dapat mengeratkan silaturahmi antara pengunjung dan dapat membendung gejala tidak sihat dalam kalangan remaja, seperti penyalahgunaan dadah dan merempit. Pesta ini juga menjadi platform membina perpaduan, semangat setia kawan, keharmonian, sikap bertolak-ansur dan rasa hormat antara satu dengan yang lain. Selain itu, pesta ini berupaya menyemarakkan nilai patriotisme dan mengekalkan pula warisan budaya kita daripada ditenggelami arus kemodenan.

Dalam hal ini, peserta yang memasuki acara yang dipertandingkan mampu menguasai pelbagai aspek, iaitu pembangunan sahsiah dan sendiri, serta





kemahiran insaniah. Dalam pertandingan ini, bukan kemenangan atau hadiah yang menjadi keutamaan, tetapi lebih menumpukan keseronokan dalam kalangan masyarakat apabila melibatkan diri dalam sukan bendang. Bagi yang geli dengan lintah dan pacat, pesta seperti ini dapat membantu mereka menangani perasaan itu. Penyertaan yang diterima cukup membanggakan dan para peserta berasa seronok ketika bertanding disebabkan oleh mereka akan bergelumang dengan lumpur dan selut.

Antara acara yang dipertandingkan dalam sukan bendang termasuklah acara larian. Walaupun cuaca panas dan para peserta perlu bergelumang dengan lumpur, namun rata-rata tetap bersemangat. Bagi peserta yang berpengalaman memasuki acara ini, sudah menjadi perkara biasa apabila bermain dengan selut. Pengalaman lalu memberikan semangat untuk terus memberikan persembahan yang terbaik. Hal ini turut disokong dengan sorakan daripada ahli keluarga dan rakan-rakan, di samping kedengaran jeritan dan gelak ketawa akibat gelagat para peserta yang mencuit hati. Suasana gembira ini benar-benar menghidupkan pesta sukan bendang.

Yang istimewanya, selepas tamat semua acara, para peserta bersama-sama membersihkan diri di tali air yang berdekatan. Kesegaran jelas kelihatan apabila mereka bersama-sama membersihkan diri dan berendam di dalam tali air. Segala selut dan lumpur yang menyaluti tubuh mereka hilang bersama. Selepas itu, mereka bergelak ketawa menyaksikan gambar dan video aktiviti di sepanjang pesta tersebut. Pengalaman tersebut menjadi satu kenangan yang terindah dalam hidup.

Di samping acara di bendang, terdapat pelbagai acara lain yang dipertandingkan, antaranya termasuklah pertandingan basikal berhias, rumah berhias

dan pertandingan memasak. Acara mendirikan telur khas untuk kanak-kanak juga diadakan untuk meraikan golongan kanak-kanak dan memberikan pendedahan awal kepada mereka tentang sukan bendang. Walaupun hadiah yang ditawarkan berupa hamper, pasukan yang menang tetap bersorak keriang dan berasa puas dengan kemenangan yang diperoleh.

Secara keseluruhannya, penganjuran sukan bendang ini merupakan satu kejayaan besar yang menjadi kebanggaan bersama. Kesepakatan dan kerjasama yang tinggi dalam kalangan penduduk seharusnya dipuji lantaran mereka mengamalkan peribahasa Melayu, berat sama dipikul ringan sama dijinjing. Berkat daripada usaha tersebut, penganjuran pesta ini ternyata mendapat sambutan yang memberangsangkan. Usaha murni untuk memartabatkan kembali sukan bendang memerlukan sokongan semua pihak. Banyak sukan tradisi yang perlu digiatkan kembali kerana penganjuran aktiviti sukan tradisi pada hakikatnya tidak memerlukan kos yang tinggi. Maka itu, wajarlah sukan bendang terus dijadikan acara tahunan kerana acara ini ternyata mampu mengembalikan senyuman, gelak ketawa dan mengimbas kembali langsir ingatan tentang dunia kanak-kanak yang pernah dilalui pada suatu ketika dahulu. **DB**



Sesi penyampaian hadiah.



Para peserta meraikan kegembiraan selepas berakhirnya pesta sukan bendang.

Meskipun diselaput lumpur, para peserta tetap gembira.

